

Kesatuan Ekonomi Asia-Pasifik tak harus dilihat secara negatif

KUALA LUMPUR 13 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad akan menghubungkan pemimpin-pemimpin di rantau ini tidak lama lagi bagi mengemukakan cadangan mewujudkan Kesatuan Ekonomi Asia-Pasifik.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Dato' Sri Rafidah Aziz berkata, Perdana Menteri akan mengemukakan secara ringkas satu program yang difikirkan berfaedah untuk semua negara serantau.

Bercakap pada wartawan selepas merasmikan kompleks latihan jualan Esso di sini hari ini, Dato' Sri Rafidah berkata, China telah menyatakan kesediaan untuk meneliti cadangan ini dan negara-negara lain juga dijangka menerimanya dengan positif.

"Cadangan Perdana Menteri itu tidak seharusnya dilihat dalam kon-

teks negatif ia bukan untuk mengasingkan diri dari dunia luar tetapi untuk bekerjasama bagi menyanggah usaha yang tidak adil dan negara-negara lain," ujarnya.

Selasa lalu Dato' Sri Dr. Mahathir mencadangkan satu kesatuan ekonomi Asia-Pasifik ditubuhkan bagi menghadapi perang perdagangan dan kemunculan blok-blok perdagangan di negara-negara maju.

Menurut Dato' Sri Rafidah lagi, cadangan ini berasaskan keinginan untuk melihat negara rantau sebelah sini menggunakan sepenuhnya kekuatan yang ada pada ekonomi masing-masing.

"Dengan adanya kesatuan ekonomi seperti yang dicadangkan itu, negara-negara rantau ini boleh merancang program perdagangan yang boleh meningkat membesarkan pasaran dan hubungan dagang sesama sendiri," tambahnya.